

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN WONG TACK [ BENTONG ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan mengapa AELB tidak mematuhi saranan IAEA untuk memuat naik ke dalam domain awam semua dokumen (termasuk semua versi RWMP, RIA, safety case) dalam proses perlesenan Lynas dari mula sampai sekarang seperti yang dipraktiskan di negara maju.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,  
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

AELB sentiasa telus dan amanah dalam menjalankan tugas-tugas yang diberikan berdasarkan kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304). Namun begitu, dalam mendokong prinsip ketelusan ini, AELB masih tertakluk kepada peruntukan di bawah Seksyen 41, Akta 304 yang memperuntukkan, "Kecuali bagi maksud-maksud Akta ini atau mana-mana prosiding di bawah Akta ini, tiada seorang pun boleh mendedahkan apa-apa maklumat yang didapatnya di bawah Akta ini".

Sekian, terima kasih.